

Palestin lambang survival umat Islam

KEPUTUSAN kerajaan memanggil sidang khas Parlimen pada 12 Januari lalu sebagai satu tindakan konsensus menggambarkan kebencian seluruh rakyat Malaysia terhadap kekejaman Israel terhadap Palestin. Melalui sidang tergepar berkenaan, semua Ahli Parlimen sama ada daripada kerajaan dan pembangkang menjadi jurucakap rakyat di kawasan masing-masing mengutuk kezaliman tentera rejim Zionis yang tidak berperikemanusiaan dan sangat kejam ke atas rakyat Palestin.

Serangan rejim Israel itu perlu dikutuk kerana mengorbankan orang awam dan bertentangan dengan prinsip undang-undang antarabangsa, Konvensyen Geneva dan resolusi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Sikap suka bermuka-muka, kejam dan tidak berperikemanusiaan itu membuktikan Israel sentiasa dahagakan darah rakyat Palestin sejak dulu lagi.

Ini dibuktikan dalam sebuah buku bertajuk Jewish Conspiracy and the Muslim World (1991) karya Misbahul Islam Faruqi. Tambahan pula segala tindak-tanduk negara zionis itu mendapat sokongan padu Amerika Syarikat (AS), Britain dan negara besar lain yang semanginya bersedia membantu Israel.


Kereta perisai, kereta kebal dan gerombolan skuad tentera darat negara Yahudi itu siap siaga di sempadan Gaza dan bersedia melakukan pencerobohan manakala bedilan jet pejuang Israel terus

mengganas melakukan pembunuhan ke atas penduduk tidak berdosa Palestin sehingga mereka tergamak menggempal sekolah dan hospital yang mengorbankan ramai kanak-kanak, wanita dan orang tua.

Beginilah buruknya rupa hukuman dan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin yang lemah dan tidak berdaya tanpa sebarang pembangunan fizikal, material serta spiritual. Sejak sekian lama proses kemajuan negara serta pembinaan modal insan rakyat Palestin terbanjut berikutan terpaksa berdepan dengan sebarang kemungkinan yang boleh berlaku di samping terus menerus diperlakukan seperti pelarian di negara tumpah darah mereka sendiri oleh rejim Israel.

Dendam lama yang tidak pernah padam menjadikan umat Palestin menjadi mangsa keadaan dan semakin sengsara serta ketinggalan dalam segala aspek.

Berikutan itu, ramai pemimpin negara Islam dan tokoh agama termasuk Dr Yusuf Al-Qardawi menyeru umat Islam di seluruh dunia supaya mempertahankan Palestin daripada serangan Is-



MANGSA KEZALIMAN...kanak-kanak Palestin terpaksa meneruskan persekolahan di luar madrasah yang ranap dibedil rejim Zionis, baru-baru ini.

rael di Gaza. Ini termasuklah semua pejuang di Palestin dan semua orang Islam yang beriman di seluruh dunia perlu mempertahankan Palestin dengan apa cara sekali pun kerana terdapat ramai wanita yang tidak berupaya mempertahankan diri mereka, kanak-kanak dan rakyat Gaza.

Sehubungan itu, sebagai umat Islam, kita wajib bersatu padu mempertahankan bumi Palestin daripada terus dilanyak dan diperkotak-

ikkan kuasa besar dan Israel kerana Palestin lambang survival umat Islam.

Mungkin juga ada yang bertanya-tanya mengapa kita sebagai umat Islam perlu bangkit mempertahankan Palestin bila-bila masa dan kenapa pula negara Islam lain begitu sensitif dengan isu yang menimpa Palestin serta mengapa perlu kita beriya-iyanya menghentikan serangan dan penindasan ini.

Sedangkan umat Islam lain juga diserang dan berhadapan

dengan peperangan serta berada dalam keadaan serba kekurangan seperti di Somalia, Sudan dan sebagainya.

Ini kerana situasi berbeza dan Palestin adalah misi perjuangan berterusan umat Islam menentang kekejaman dan ketidakadilan global.

Untuk itu, umat Islam juga tidak boleh sama sekali berputus asa berjuang untuk Palestin dan umat Islam seluruhnya mesti kuat, cemerlang dan tinggi martabatnya

nangkan kerja-kerja dan penyampaian bantuan kemanusiaan kepada penduduk.

Antara lain yang boleh dilakukan jika Israel masih berdegil ialah dengan memboikot segala produk yang mempunyai jaringan serta pertalian ekonomi dengan Israel dan sekutu rapatnya, terutama AS sebagai tanda protes dan benci segala tindakan Israel selama ini.

Umat Islam juga wajar mencari jalan dan mekanisme menyalur dana dalam bentuk kewangan, pendidikan, bantuan perubatan, psikologi, kaunseling dan sebagainya kepada penduduk Palestin yang kini semakin melarat.

Negara Islam juga digesa memutuskan sebarang hubungan diplomatik atau mengadakan hubungan dua hala serta kerjasama politik dan ekonomi dengan Israel agar mereka menghentikan segera keganasan yang berleluasa.

Masyarakat dunia tanpa mengira perbezaan ideologi dan bangsa juga perlu mengutuk sekeras-kerasnya tindakan yang tidak berperikemanusiaan ini.

Penghantaran segera pasukan petugas kemanusiaan

seperti ditegaskan al-Quran maksudnya: "Dan janganlah kamu berasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan jangan kamu berduka cita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang yang (sungguh-sungguh) beriman." (Surah Ali 'Imran: 139)

Oleh itu, sebagai simbolik persaudaraan seislam dan semangat hijrah yang masih panas, kita perlu bangkit membela dan melindungi bumi Palestin daripada sebarang pencerobohan, tekanan serta penganiayaan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Peperangan dan sebarang bentuk sekatan dan tekanan perlu dihentikan segera serta hak warga Palestin mesti diserahkan kembali atas prinsip demokrasi dan toleransi.

PBB mesti mengadakan gencatan senjata segera dan menamatkan semua operasi ketenteraan bagi menye-

PBB perlu diusahakan segera bagi meringankan kesengsaraan rakyat Palestin di Semenanjung Gaza.

Kesimpulannya, tindakan Israel menyerang Genting Gaza hanya akan meningkatkan lagi kebencian umat Islam khususnya penduduk Palestin terhadap rejim itu.

Pertubuhan dunia seperti PBB dan negara OIC perlu mengambil tindakan segera menyalurkan bantuan dalam apa juga bentuk untuk memastikan rakyat Palestin terus mendapat pembelaan sewajarnya.

Bantuan yang disalurkan melalui kerjasama dengan NGO dan badan dunia diharapkan dapat mengurangkan penderitaan penduduk Palestin.

Ini juga sebagai tanda manifestasi amanah serta tanggungjawab akidah dan kemanusiaan kita kepada Palestin dan warganya.

>Penulis seorang guru berkelulusan Sarjana Muda Bahasa Arab (Universiti Islam Antarabangsa) dan Diploma Pendidikan (Institut Perguruan Sultan Abdul Halim)